

# Medan latihan mahasiswa jalankan perniagaan

» *Pertandingan Simulasi Perniagaan IPTA berjaya serlah kematangan peserta*

Anjuran

Dengan Kerjasama



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia



**KPT**  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

**MyPEC**  
Malaysia Practice Enterprise Centre

Oleh **Khairina Yasin**  
kayrina@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

**P**enganjuran Pertandingan Simulasi Perniagaan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) disifatkan satu pendekatan inovatif dalam melahirkan usahawan muda yang dinamik, kreatif dan arif mengenai keperluan pasaran.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata pengisian program yang membolehkan peserta memperoleh pengalaman baru dalam mempelajari selok-belok menguruskan entiti perniagaan dan bersaing dalam persekitaran memcabar.

Katanya, jika sebelum ini mahasiswa didedahkan kepada ilmu yang terpisah seperti perakaunan, pemasaran dan pengurusan, namun menerusi pertandingan ini semua ilmu berkenaan disepadukan dan diaplikasikan secara praktikal bagi membangun serta menguruskan perniagaan.

"Saya difahamkan rata-rata pasukan menentengahkan produk hasil penyelidikan universiti masing-masing dalam pertandingan bagi tujuan pengkomersialan biarpun secara perniagaan maya.

**Latihan secara maya**  
"Ia satu langkah bijak bagi



menilai ciri keboleh pasaran produk berkenaan sekaligus membuktikan pertandingan ini mampu menjangkau matlamat asal sebenar," katanya pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Simulasi Perniagaan IPTA Kebangsaan kali ke-2 2013 di sini, baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Naib Canselor Hal Pelajar dan Alumni, UUM, Prof Madya Dr Abdul Malek Abdul Karim (**gambar**). Turut hadir, Pengarah Eksekutif Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), Prof Dr Hassan Ali; Pengerusi MyPEC Sdn Bhd, Datuk Radin Firdaus Radin Lockman dan Ketua Penolong Setiausaha, Unit Keusahawanan Kement-

**Abdul Malik** (dua dari kiri) menyampaikan hadiah kepada UTM yang menjuarai Pertandingan Simulasi Perniagaan IPTA Kebangsaan kali ke-2 2013.



**Adyleen** bersama dengan cek dan pingat selepas dinobatkan CEO Terbaik.



terian Pengajian Tinggi, Mohd Ramesh Krishna,

Dianjurkan UUM bersama CEDI dan Kementerian Pengajian Tinggi serta MyPEC Sdn Bhd, pertandingan disertai 15 IPTA itu memerlukan setiap pasukan membangunkan perniagaan secara maya berbekal modal maya berjumlah RM10,000 diikuti wang daripada Pemodal Teroka dan pihak bank berdasarkan pembentangan rancangan perniagaan masing-masing.

#### **UTM dinobatkan juara**

Pertandingan kali ini menyaksikan kejayaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) muncul juara menerusi syarikat E-Z Sdn Bhd diikuti Apprentice Sdn Bhd daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), kedua dan ketiga, Kelvative Sdn Bhd (UUM), manakala Ketua Pegawai Eksekutif Terbaik disandang Adyleen Azman dari UMT.

Kejayaan UTM yang diwakili lima peserta, Chim Wei Wen, Nurmalia Abd Samad, Nur Anasuha Ilias, Nurul Afiqah Rozaini dan Hani Shamiliyah Mohd Noor melayakkan mereka membawa pulang RM10,000, Piala Pusung Menteri Pengajian Tinggi, piala iringan berserta sijil. UPM dan UUM pula masing-masing meraih RM5,000 dan RM3,000 berserta sijil, manakala Adyleen, RM1,000 dan sijil.

Chim ketika ditemui menyifatkan kemenangan pasukannya hasil komitmen dan kerjasama setiap ahli.

"Kami memperkenalkan EZ Refillable Marker Pen sebagai produk perniagaan dalam pertandingan ini yang jauh lebih murah dan mudah digunakan berbanding produk

## **KEPUTUSAN PENUH**

### **Juara**

UTM (E-Z Sdn Bhd)

### **Kedua**

UPM (Apprentice Sdn Bhd)

### **Ketiga**

UUM (Kelvative Sdn Bhd)

### **Keempat**

UMT (Securatech Sdn Bhd)

### **Kelima**

UMS (Pro-Mobile Car Wash Sdn Bhd)

sedia ada di pasaran.

"Menerusi rancangan perniagaan dan strategi pemasaran yang betul, kami berjaya meyakinkan juri dengan keupayaan produk yang dibangunkan Pusat Inovasi Mahasiswa UTM ini menembusi pasaran bagi tujuan pengkomersialan pada masa depan," katanya.

#### **CEO terbaik**

Sementara itu, Adyleen yang dinobatkan CEO Terbaik menyifatkan pengalaman tiga tahun dalam pertandingan Student in Free Enterprise (SiFE) banyak membantunya mendalami pendekatan terbaik dalam mengemudikan sesebuah syarikat mahupun perniagaan.

Biarpun pasukannya gagal

meraih gelaran juara, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Nautika (Pengangkutan Maritim) itu mengakui anugerah itu sedikit sebanyak mengubat kekecewaan pasukannya.

"Bergelar CEO dalam sesebuah entiti perniagaan bukannya mudah kerana ia menguji kebijaksanaan dan kepayaan kita menangani segala cabaran dan tekanan. Keputusan dibuat perlu rasional dan mendapat sokongan semua pihak.

"Apa pun pengalaman dalam pertandingan ini cukup unik dan berharga, selain mampu memberi pengetahuan terbaik kepada kami yang sememangnya berhasrat tinggi menceburi bidang perniagaan suatu hari kelak." katanya.





*Peserta berbincang mengenai perancangan perniagaan yang dijalankan secara simulasi.*





Pertandingan Simulasi Perniagaan IPTA Kebangsaan kali ke-2 2013.